

10 NOV 1999

PETRONAS-ENGEN

PETRONAS JUAL 20 PERATUS PEGANGAN ENGEN KPD KUMPULAN KULIT HITAM

Oleh: Tham Choy Lin

JOHANNESBURG, 10 Nov (Bernama) -- Syarikat minyak gergasi Malaysia, Petronas memeterai satu perjanjian di sini hari ini untuk menjual 20 peratus daripada syarikat minyak Afrika Selatan milik penuhnya, Engen Ltd, kepada kumpulan Worldwide Africa Investment di bawah agenda ekonomi kulit hitam kerajaan Afrika Selatan.

Penjualan itu dibuat di bawah memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara Petronas dan Worldwide Africa Investment pada September 1998 untuk membuka laluan bagi kumpulan kulit hitam itu memperolehi pegangan saham minoriti dalam Engen dan mengukuhkan kepentingan dan kedudukannya dalam industri minyak di Afrika Selatan menerusi Engen.

Worldwide Africa Investment adalah kumpulan kulit hitam terbesar di Afrika Selatan dalam industri minyak dan gas dan pembelian pegangan dalam Engen menempa satu kemajuan dalam merealisasikan agenda Ekonomi Kulit Hitam (BEE) yang dianjurkan oleh kerajaan Afrika Selatan, kata pegawai-pegawai.

Perjanjian itu disaksikan oleh Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Merican, enggan mendedahkan berap abanyak yang dibayar oleh WorldWide Africa bagi pegangan dalam Engen yang dimiliki sepenuhnya oleh Petronas melalui dua peringkat dengan harga AS\$775 juta.

Petronas buat pertama kalinya membeli 30 peratus pegangan Engen pada Jun 1996 dan memperolehi pemilikan 100 peratus sepenuhnya pada Disember tahun lalu di mana Engen dikeluarkan daripada senarai Bursa Saham Johannesburg.

Ia membayar 23 rand sesaham bagi baki 70 peratus daripada Engen di mana ia lebih tinggi daripada bahagian pertama.

Engen menguasai anggaran 24.6 peratus daripada pasaran produk petroleum Afrika Selatan. Perniagaan utamanya adalah penapisan minyak mentah, pemasaran dan pengedaran produk petroleum ditapis dan mempunyai rangkaian 1,400 stesen minyak di Afrika Selatan.

Ia mengendalikan sebuah loji penapis di Durban dengan kapasiti 105,000 tong sehari. Ia juga bergiat dalam penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas menerusi anak syarikat tersenarainya, Energy Africa Limited.

Worldwide Investment Africa juga memiliki 26 peratus daripada Zenex yang mempunyai kira-kira 150 stesen minyak dan 100 peratus daripada Afric Oil yang mempunyai 55 stesen minyak di Afrika Selatan.

Dengan termeterainya perjanjian hari ini, ia akan menyuntik perniagaan minyak dan gas kepada Engen dan berusaha menarik syarikat-syarikat kulit hitam lain untuk menyertai dalam industri minyak dan gas tempatan menerusi Engen.

Ia akan membolehkan Engen mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah syarikat minyak terkemuka di Afrika Selatan.

Petronas mempunyai pelaburan besar di Afrika dan memulakan pengeluaran minyak di Sudan dan kerja-kerja penerokaan di Algeria, Libya, Tunisia dan Angola. Pelaburannya di Sudan termasuklah saluran paip sepanjang 1,500 kilometer yang menghubungkan dengan Pelabuhan Sudan dan lapangan minyak yang menukarkan Sudan menjadi sebuah negara pengeksport minyak.

-- BERNAMA

TCL ZK